

119 keluarga pindah rumah dinaiki air

Banjir kilat 1.7 meter selepas hujan lebat berterusan lebih enam jam

Oleh Azidan Nahar dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhjb@bharian.com.my

JOHOR BAHRU: Hujan lebat berterusan lebih enam jam menyebabkan 495 penduduk daripada 119 keluarga termasuk 10 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Kampung Laut dan Poh Chee Leng, dekat Skudai terpaksa berpindah apabila rumah mereka ditenggelami banjir 1.7 meter, malam kelmarin.

Sehingga petang semalam, mangsa masih ditempatkan di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Skudai Batu 10, kerana tidak dapat pulang ke rumah berikutan kediaman perlu dibersihkan terlebih dahulu akibat diselaputi lumpur dan kotoran.

Penduduk Kampung Laut, Zailan Abd Kadir, 54, berkata air naik mendadak mulai jam 8 malam, menyebabkan beliau bersama lima ahli keluarga terpaksa menyelamatkan diri.

"Hujan berhenti seketika sebelum Maghrib. Kami jangka air tidak naik cepat, tetapi secara tiba-tiba air memasuki bahagian dapur rumah, menyebabkan kami sekeluarga tidak sempat menyelamatkan barang-barang dan terpaksa berpindah segera demi keselamatan.

"Keadaan bertambah bahaya apabila banyak binatang berbisa seperti ular memasuki rumah sejak malam tadi," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan semalam.

Zailan yang tinggal di kampung itu sejak 30 tahun lalu, berkata banjir malam kelmarin adalah yang terburuk selepas bencana awal tahun lalu.

Calon SPM dari Kampung Laut, M Manimegalai, 17, berkata dia tidak sempat menyelamatkan buku dan pakaian sekolah dan hanya tidur dalam kereta keluarganya selepas berpindah ke pusat pemindahan kira-kira jam 10 malam.

Dia yang menduduki peperiksaan subjek Pendidikan Moral di Se-



ANTARA mangsa banjir kilat yang dipindahkan di SK Skudai Batu 10, Johor Bahru, semalam.

kolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Desa, Skudai, terpaksa dijemput gurunya jam 10 pagi semalam, namun gembira dapat menjawab soalan dengan baik.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nusajaya, Datuk Abd Aziz Sopian, yang melawat mangsa, berkata bantuan segera makanan asas diagihkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejurus pemindahan dilakukan.

"Jika cuaca cerah, penduduk dibenarkan pulang petang ini (semalam). Bermula petang semalam (kelmarin), tiga kawasan sekitar Parlimen Gelang Patah, terutama sekitar Damai Jaya dekat Kangkar Pulai; Kampung Laut dan Poh Chee

Leng dinaiki air tetapi tiada pemindahan di Damai Jaya.

"Banjir bukan disebabkan perparitan tidak sempurna kerana ketika lawatan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman baru-baru ini, semua kawasan sudah dibersihkan, cuma ia berlaku kerana hujan lebat luar biasa berterusan sehingga malam," katanya.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Johor, Mohamad Yusri Hashim ketika dihubungi berkata, pihaknya melakukan pemantauan berterusan dan setakat ini hanya dua pusat pemindahan dibuka di negeri ini membabitkan masing-masing di Johor Bahru dan Batu Pahat.

Warga emas tak mahu tinggalkan rumah pusaka

KUALA BERANG: Seorang warga emas enggan meninggalkan rumah biarpun kediamannya di Kampung Kolam di sini, hampir ditenggelami air sedalam kira-kira dua meter semalam.

Walaupun hampir sejam dipujuk oleh anggota Bomba dan Penyelamat, Embong Ismail, 76, yang tinggal seorang diri tidak mahu berpindah daripada rumah pusakanya atas alasan sudah biasa dengan keadaan itu.

"Pakcik sudah biasa dengan keadaan banjir ini, biarlah pakcik tinggal di rumah ini, sekejap lagi air akan surut," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini.

Walaupun beberapa kali turut dipujuk oleh anak lelakinya Othman, 38, yang berpindah ke pusat pemindahan banjir, Embong yang mempunyai lima anak masih enggan meninggalkan rumahnya.

Sementara itu tinjauan di kampung berkenaan mendapati lima rumah didiami 18 orang ditenggelami air hampir dua meter.

Kesemua mangsa mula dipindahkan ke Balai Raya Kampung Kolam kira-kira jam 11 pagi oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Daerah Hulu Terengganu mula dilanda banjir berikutan hujan lebat sejak kelmarin.

Paras air Sungai Nerus di Kampung Langkap kini melebihi paras bahaya iaitu 22.14 meter (bahaya 21.5 meter) dan Sungai Telemong di Kampung Paya Rapat meningkat kepada paras amaran iaitu 21.2 meter (amaran 21 meter).



PENDUDUK Kampung Laut membersihkan rumah selepas banjir surut, semalam.



KANAK-kanak menaiki perahu selepas rumah mereka ditenggelami air di Kampung Merbau Menyusut, Setiu, semalam.

Johor, Melaka dan Terengganu mula dilanda banjir

KUALA LUMPUR: Tiga negeri iaitu Johor, Melaka dan Terengganu mula dilanda banjir sejak awal pagi semalam, dengan keseluruhannya 545 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Mohamed Thajudeen Abd Wahab, berkata tujuh pusat pemindahan banjir mula beroperasi semalam di tiga negeri terbabit dan jumlah itu dijangka

bertambah berikutan fenomena hujan luar biasa yang dijangka berlarutan sehingga hujan bulan ini.

Di MELAKA, daerah yang terjejas ialah Jasin, dengan tiga kampung mula dinaiki air semalam iaitu Kampung Parit Lampung dan Kampung Tanjung Laboh, kedua-duanya di Tehel, selain Kampung Parit Penghulu Benteng, Sungai Rambai dengan dua pusat pemindahan sudah dibuka iaitu di

Sekolah Kebangsaan Parit Penghulu dan Sekolah Kebangsaan Tehel.

Di KUALA TERENGGANU: Hujan lebat sejak awal pagi semalam menyebabkan tiga daerah iaitu Marang, Hulu Terengganu dan Setiu dilanda banjir dan memaksa 47 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan sehingga jam 5 petang semalam.

Seramai 13 mangsa dari tiga keluarga dipindahkan ke Balai Raya

Kampung Kolam, Hulu Terengganu; Masjid Kampung Merbau Menyusut, Setiu (30 mangsa) dan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Berangan, Marang (empat), selepas kawasan kediaman mereka dinaiki air sedalam antara satu hingga 1.5 meter.

Mengikut Laman web Majlis Keselamatan Negara Negeri Terengganu, mangsa mula dipindahkan kira-kira jam 3 pagi, sebagai lang-

kah keselamatan bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini. Bagaimanapun, semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing jam 6.45 petang semalam.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi semalam mengeluarkan amaran hujan lebat tahap jingga di Semenanjung, terutama Pantai Timur yang dikhuatiri mengakibatkan banjir di kawasan rendah.